



## **Siaran Akhbar**

### **MALAYSIA MENUJU KE ARAH 5G DENGAN PROJEK-PROJEK DEMONSTRASI BERMULA OKTOBER 2019**

- Lapan (8) syarikat yang mengambil bahagian akan mempamerkan kes-kes kegunaan 5G mereka merentasi sembilan (9) vertikal di enam (6) buah negeri: Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Kuala Lumpur.
- Antara 55 kes-kes kegunaan 5G itu termasuklah Lampu Isyarat Pintar, Parkir Pintar, Diagnosis Jarak Jauh, Pelancongan Perubatan, Perundingan Perubatan Jarak Jauh, Pertanian Pintar, Penjejakan Kenderaan dan *5G 360° Panoramic Live Video Surveillance*.

**CYBERJAYA, 30 September 2019** --- Malaysia bakal menyaksikan demonstrasi bagi kes-kes kegunaan 5G bermula Oktober 2019 ini dengan anggaran pelaburan berjumlah RM116 juta daripada lapan (8) syarikat, sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan 5G untuk perniagaan merentasi pelbagai industri seperti pelancongan, penjagaan kesihatan dan pertanian.

Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Al-Ishsal Ishak berkata, sebanyak 32 tapak 5G di enam (6) buah negeri iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Kuala Lumpur akan beroperasi untuk tempoh selama enam bulan, dengan 55 kes kegunaan 5G membabitkan sembilan (9) vertikal iaitu pertanian, pendidikan, hiburan/media, penjagaan kesihatan digital, pemprosesan dan pembuatan, minyak dan gas, bandar pintar, pengangkutan pintar dan pelancongan.

“Projek-Projek Demonstrasi 5G akan tertumpu kepada usaha untuk memupuk pembangunan sebuah ekosistem 5G yang holistik dan inklusif di dalam negara dalam usaha untuk merangsang permintaan serta penggunaan teknologi 5G bagi perniagaan dan pengguna. Kami berharap

sebahagian daripada kes kegunaan 5G dapat dikomersialkan bermula suku ketiga tahun 2020,” kata Al-Ishsal.

Antara kes-kes kegunaan yang dimaksudkan adalah Lampu Isyarat Pintar, Parkir Pintar, Diagnosis Jarak Jauh, Pelancongan Perubatan, Perundingan Perubatan Jarak Jauh, Pertanian Pintar, Realiti Terimbuh untuk pendidikan, Penjejakan Kenderaan serta *5G 360° Panoramic Live Video Surveillance*.

Menurut Al-Ishsal: “Sokongan teguh dan pelaburan daripada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian membuktikan komitmen pihak industri dalam mewujudkan penggunaan kukuh untuk aplikasi-aplikasi 5G berdaya maju yang akan memberi impak positif kepada taraf hidup rakyat Malaysia. MCMC berharap agar kes-kes kegunaan ini dapat menarik lebih banyak pelaburan ke dalam pembangunan 5G di Malaysia serta cadangan-cadangan untuk memperhebatkan kesalinghubungan di negeri-negeri lain di seluruh negara.”

---

#### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) atau hubungi:

Kamalavacini Ramanathan  
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Markus Lim Han King  
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1000 E-mel: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my)

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

